



INSTITUT FIZIK MALAYSIA

(MALAYSIAN INSTITUTE OF PHYSICS)

c/o Physics Department, University of Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Ruj. Kami: IFM/KPF/001/2010/(2)

Tarikh: 14 April 2010

Pengetua Jusa/Cemerlang/Kanan
Pengetua
SBP/SBT/Kluster, SMT, SMA, SMK,
Maktab Rendah Sains MARA,
Sekolah / Kolej / Institusi Swasta

Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PERTANDINGAN FIZIK KEBANGSAAN 2010
(ANJURAN INSTITUT FIZIK MALAYSIA DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Memandangkan sambutan yang amat menggalakkan kepada pertandingan pada tahun-tahun lepas, kami di Institut Fizik Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia bercadang mengadakan pertandingan sekali lagi pada tahun ini seperti berikut : -

- 2.1 Pertandingan Fizik Kebangsaan (Peringkat Pra-Universiti)
 - Untuk pelajar-pelajar di peringkat STPM atau setarafnya.
- 2.2 Pertandingan Fizik Kebangsaan (Peringkat Menengah)
 - Untuk pelajar-pelajar di peringkat SPM atau setarafnya

3. Semua pertandingan yang disebutkan di atas akan diadakan serentak pada **29 Julai 2010 (Khamis)**. Syarat-syarat pertandingan boleh dirujuk dari laman web **www.ukm.my/ipho** dan borang pendaftaran dilampirkan bersama-sama untuk tindakan lanjut tuan/puan.

4. Pihak Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memberi persetujuan kepada pertandingan ini dalam suratnya KP(BPSH-SPDK)201/002/1/Jld 27(66) yang bertarikh 8 April 2010. Satu salinan surat tersebut dilampirkan untuk rujukan tuan/puan.

5. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia telah memberi mandat kepada **Institut Fizik Malaysia** untuk memilih dan menyediakan pasukan Fizik Olympiad ke pertandingan-pertandingan antarabangsa. Oleh yang demikian, keputusan pertandingan ini akan menjadi salah satu kriteria pemilihan calon-calon ke satu siri Bengkel Latihan Fizik. Kami sangat berharap pihak tuan/puan dapat memberi sokongan kepada pertandingan yang prestig ini.

6. Yuran pendaftaran sebanyak RM 10.00 bagi setiap peserta pertandingan perlu dibayar bersama borang pendaftaran pada/sebelum **30 Jun 2009**. Yuran Pendaftaran ini **TIDAK** dapat dikembalikan.

Atas sokongan dan kerjasama daripada pihak tuan/puan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



(PROF. DR. CHIA SWEE PING, FASc, FIPM, FInstP)

Presiden, Institut Fizik Malaysia

Jabatan Fizik,

Universiti Malaya,

50603 KUALA LUMPUR

MALAYSIA.